

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

FEL 405 Pengurusan Farmasi Hospital

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan dan 5 muka surat yang bertaip.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Huraikan kriteria-kriteria penting dalam memilih pekerja-pekerja untuk makmal penyediaan steril.

(10 Markah)

- (B) Huraikan perbezaan di antara "Rancangan Sekali Guna" dan "Rancangan Tetap" dengan memberikan contoh-contoh sesuai.

(15 Markah)

2. (A) Nyatakan objektif di dalam mengadakan sesuatu perkhidmatan maklumat drug serta terangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan oleh perkhidmatan ini bagi mencapai objektif tersebut.

(15 Markah)

- (B) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan "pengendalian pertanyaan drug secara sistematik".

(10 Markah)

...3/-

3. (A) Huraikan pertimbangan yang diperlukan untuk mewujudkan sistem unit dos dari aspek berikut.

(i) Bilangan ahli farmasi.

(ii) Ruang Farmasi

(12 Markah)

(B) Huraikan dengan ringkas pengertian "teknik pulse" dan kaedah melakukannya.

(5 Markah)

C) Huraikan pengertian takserasi intravena dengan contoh-contoh yang sesuai.

(7 Markah)

4. Encik Tan seorang lelaki 25 tahun telah dibawa ke HUSM oleh kakitangan spara perubatan setelah mengalami kemalangan jalanraya di Bachok. Dua jam kemudian beliau telah menjalani pembedahan kolektomi. Semasa pembedahan pakar bedah mendapati sebahagian daripada pankreasnya juga telah rosak. Selepas pembedahan beliau telah diberikan Nutrisi Parenteral Total (TPN) seperti berikut.

...4/-

Kandungan/Hari TPN	H ₁	H ₂	H ₃	H ₄	H ₅
Dekstros (g)	150	200	230	250	275
Asid Amino (g)	50	50	75	75	100
Lemak % (ml)	200	200	200	500	500
Natrium (mEq)	80	80	80	80	80
Kalium (mEq)	80	70	70	70	80
Magnesium (mEq)	15	15	15	15	15
Kalsium (mM)	15	15	15	15	20
Fosfat (mM)	30	30	30	30	30
MTE (ml)	10	10	10	10	10
MVI (ml)	10	10	10	10	10
Insulin (Iu)	30	30	30	30	30
Isipadu (liter)	3	3	3	3	3

Selepas hari ke 5 Encik Tan telah mengalami hipoglisemia dengan paras gula darah 0.

- (A) Jika berat badan Encik Tan 50 kg dan tingginya 5 kaki 11 inci, kirakan keperluan tenaga Encik Tan.

(10 Markah)

- (B) Berikan ulasan anda mengenai regimen TPN yang diberikan kepada Encik Tan.

(10 Markah)

...5/-

- (C) Terangkan langkah-langkah yang diperlukan untuk mengatasi masalah hipoglisemia Encik Tan.

(5 Markah)

5. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai topik berikut:

- (i) Pendekatan kaunseling berorientasikan masalah pesakit.
- (ii) Aktiviti farmasi klinikal di bahagian farmasi pesakit luar.
- (iii) Punca kegagalan terapeutik.

(25 Markah)

-oooOooo-